

21/03/1997

Naciwid bincang cara atasi gejala sosial

Jamhariah Jaafar

MENANGANI gejala sosial adalah agenda utama yang akan dibincangkan dalam mesyuarat pertama Ahli Penasihat Kebangsaan Mengenai Integrasi Wanita Dalam Pembangunan (Naciwid), 1 April ini, kata pengerusi barunya, Prof Dr Nik Safiah Karim.

Dr Nik Safiah yang juga Ketua Jabatan Bahasa Melayu Universiti Malaya akan mengetuai barisan panel penasihat Naciwid yang diumumkan oleh Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Zaleha Ismail, di Kuala Lumpur, semalam.

Antara ahli panel Naciwid yang lain ialah Puan Sri Dr Fatimah Hamid Don, Datuk Marina Mahathir, Prof Datin Dr Sharifah Hapsah Datuk Syed Hassan Shahabuddin, Prof Dr Khalijah Salleh dan Dr Azizan Baharuddin.

Selain masalah remaja yang hangat dibincangkan sekarang, Dr Nik Safiah juga mencadangkan beberapa agenda lain terutama membabitkan masalah HIV/Aids yang semakin banyak dihadapi wanita, undang-undang membabitkan wanita dan keganasan yang berlaku ke atas wanita serta kanak-kanak.

"Saya berikrar untuk menjalankan tugas yang diberi ini sebaik mungkin bagi memastikan Malaysia dapat melahirkan generasi yang lebih sempurna pada masa hadapan," kata Dr Nik Safiah.

Sejarah Naciwid bermula sejak 1975 selepas kerajaan menyusuli tindakan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang meminta setiap negara mewujudkan satu jentera untuk memastikan pembabitkan wanita dalam pembangunan negara.

Sempena pelantikan ahli Naciwid Penggal Ketujuh yang berkuatkuasa mulai 1 Mac 1997 hingga 28 Februari 2002, beberapa fasal di dalam perlembagaan majlis berkenaan turut dipinda.

Sementara itu, Zaleha menegaskan, tugas Naciwid hanya sebagai penasihat kepada kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pihak swasta.

"Semua cadangan dan keputusan yang dibuat oleh ahli panel Naciwid akan dilaksanakan oleh Unit Hal Ehwal Wanita (Hawa) yang akan diserapkan sebagai satu daripada jabatan di bawah kementerian ini tidak lama lagi," katanya.

Berikutan itu bidang kuasa Naciwid kini adalah:

- * Memberi nasihat, pandangan dan perakuan kepada kerajaan mengenai langkah-langkah positif yang patut diambil dalam usaha mengintegrasikan wanita sepenuhnya dalam pembangunan.

- * Membantu kerajaan dalam melaksanakan program dan aktiviti tertentu, sekiranya diminta berbuat demikian, terutama sekali dalam mengadvokasikan pembuat dasar di dalam kerajaan mengenai isu gender; dan

- * Menjadi mekanisme dan penyalur permasalahan yang dihadapi oleh wanita serta memberikan pandangan membina bagi mengatasi masalah berkenaan kepada kerajaan.

Berikutan itu kata Zaleha, pemilihan ahli panel Naciwid kali ini adalah daripada kalangan yang mempunyai kepakaran dalam pelbagai sektor dan disiplin.

"Hanya melalui cara ini kita dapat memastikan pengemblengan, idea, usaha dan tenaga ke arah peningkatan taraf wanita keseluruhannya ke tahap yang lebih membanggakan," tegasnya.

(END)